

## **Meningkatkan Kefahaman dan Menggalakkan Dialog melalui Interaksi dengan Penganut Agama**

Kod Projek : PTS-2011-101

*Yusri Mohamad Ramli (Ketua Projek), Indriaty Ismail & Jaffary Awang*

Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

---

### **PENGENALAN / PERNYATAAN MASALAH**

Kaedah tekstual atau historikal yang lazim digunakan dalam mengajar dan mempelajari subjek-subjek pengajian perbandingan agama dilihat hanya sesuai kepada para pelajar yang baru mempelajari bidang ini kerana ia lebih berkesan dalam memberikan maklumat awal dan asas mengenai tradisi sesuatu agama dari aspek kepercayaan dan sejarahnya. Namun, bagi memahami bagaimana pengamalan agama dan cara hidup penganut dan komuniti agama berasaskan kepercayaan yang dianuti, kaedah para-historikal melalui pemerhatian terhadap agama yang wujud di sekeliling adalah amat perlu dan dianggap lebih berkesan. Pembelajaran secara para-historikal atau juga dikenali sebagai kaedah sistematikal merupakan elemen yang amat penting dalam pengajian perbandingan agama bagi mengukuhkan kefahaman terhadap realiti kehidupan beragama setelah mengenalpasti idealiti yang termaktub dalam teks-teks agama. Ini kerana apa yang terkandung dalam teks-teks suci agama dan apa yang dipercayai oleh penganut agama kadang kala berlaku kontradiksi disebabkan oleh faktor-faktor tertentu seperti kepelbagaian pentafsiran, evolusi dalam tradisi keagamaan, perbezaan masa, wilayah dan budaya yang mempengaruhi pengamalan agama dan cara hidup setiap individu.

Oleh yang demikian, kajian ini akan melihat keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran sistematikal terhadap pelajar Tahun 3 di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Para responden akan dianalisis dari sudut peningkatan kefahaman dan juga galakan terhadap penglibatan dalam dialog antara agama melalui tugas berinteraksi secara langsung dengan penganut agama. Melalui temuramah, diskusi, dan pemerhatian yang dijalankan, para pelajar akan cuba memahami tajuk yang dipilih dari perspektif penganut agama itu sendiri tanpa membuat apa-apa penilaian peribadi, bahkan juga tidak dipengaruhi oleh mana-mana rujukan tekstual. Mereka sebaliknya secara empati hanya bersandarkan kepada data primer yang berasaskan interpretasi dan refleksi intelektual sesuatu agama dari penganut agama itu sendiri.

Dapatan interaksi terbabit yang merupakan akan ditulis dalam laporan yang kemudiannya akan dibentangkan di hadapan rakan-rakan sekelas yang lain. Laporan dan pembentangan tersebut akan dianalisis berdasarkan kefahaman dan interaksi yang berlaku. Kajian ini bermatlamat menyumbang ke arah menggalakkan penggunaan kaedah pembelajaran

sistematis dalam pengajaran dan pembelajaran subjek-subjek bidang perbandingan agama. Di samping mengukuhkan pengetahuan, kaedah pembelajaran secara *insider's view* ini juga dapat melatih sikap rasional, memantapkan pemikiran, memantapkan kemahiran komunikasi dan interpersonal serta membina keyakinan dan keberanian diri dalam menghadapi masyarakat yang berbilang agama dan budaya, sekaligus mewujudkan toleransi dan juga penyertaan aktif dalam interaksi antara agama.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bermatlamat untuk mencapai objektif-objektif berikut:

1. Mengukur keberkesanan interaksi secara langsung dengan penganut sesuatu agama dalam meningkatkan kefahaman terhadap agama tersebut.
2. Menilai sejauh mana interaksi dengan penganut agama menggalakkan dialog antara agama.

### **METODE KAJIAN**

Kajian ini akan dilakukan melalui metode kajian lapangan dengan menggunakan kaedah tugas menjalankan interaksi antara agama secara individu dan juga kelompok serta pengedaran borang soal selidik sebagai menyokong data yang diperolehi dari tugas tersebut. Responden seramai 20 orang pelajar dipilih secara bertujuan dari kalangan para pelajar kursus PPPH 3513 Agama Hindu, Buddha, dan Sikh yang merupakan para pelajar tahun tiga di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam dan akan melalui dua tugas, iaitu:

#### **Tugas Berkelompok**

Responden dibahagikan secara berkumpulan antara 3 dan 4 orang setiap kumpulan dan diberikan tugas untuk berinteraksi secara menemu ramah, berdiskusi, atau membuat pemerhatian dengan penganut agama Hindu, Buddha, dan Sikh berdasarkan kepada satu tajuk yang ditetapkan mengenai kepercayaan atau amalan penganut terbabit. Secara tidak langsung pemilihan penganut dari luar UKM akan mewujudkan suatu jalinan akademik dan kemasyarakatan antara mahasiswa dengan komuniti. Temu ramah dan pemerhatian tersebut akan direkodkan oleh para pelajar dalam bentuk video dokumentari dan dibentangkan di dalam satu program khas.

#### **Tugas Berkumpulan**

Semua pelajar diminta mengadakan satu acara persidangan video bagi membentangkan hasil temuramah dengan kerjasama beberapa persatuan pelajar agama-agama lain di UKM. Jawatankuasa eksekutif akan dibentuk oleh para pelajar dengan kerjasama pelajar Hindu, Buddha, dan Sikh. Di samping melatih interaksi dengan pelbagai penganut agama, suasana dan budaya persefahaman dan dialog dapat dibentuk di UKM. Peningkatan kefahaman pelajar akan diukur melalui temubual mendalam berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

1. Sejauh mana responden cuba mengaitkan dan mengaplikasikan pengetahuan sedia ada dengan maklumat yang diperolehi dari penganut agama berkenaan.

2. Apakah pengetahuan baru yang diketahui melalui interaksi tersebut.
3. Bagaimanakah interaksi tersebut memberi input dalam mengatasi kemusykilan yang wujud dalam pengetahuan responden dan konflik agama semasa.

Manakala galakan terhadap dialog antara agama akan dinilai berasaskan kepada beberapa perkara seperti:

1. Bagaimana responden mendekati penganut agama untuk bersedia berkongsi pengetahuan mengenai agamanya.
2. Bagaimana responden memilih tajuk yang sesuai dengan agama individu yang dipilih dan sejauh mana signifikannya kepada responden dan para pelajar lain.
3. Adakah responden ada melakukan apa-apa interaksi antara agama selepas melakukan aktiviti ini.

### **ULASAN KEPUSTAKAAN**

Coming to terms with the challenges of religious pluralism has been a major concern for all religious communities. Faced with the reality of the globalization demanding religious tolerance, understanding and acceptance, some contemporary religious scholars have sought to develop new visions and interpretations of religion to respond to the religious pluralism and their demands and concerns.

Malaysia as one of the most religiously diversified countries in the world faces the impact of the globalizing world whether from within or without. As a majority Muslim country, effort to bridging the gap between religious community are indeed belittled. For a long time, the Muslims feel very secured and think that there is no need for such interfaith understanding and it is better to keep silence on talking about other religion as any engagement with other religious community would be considered as a kind of provocation leads to religious conflict and tension. Although other religious communities are free to practice their own beliefs, but as the silence keep going, there are a lot of small or serious religious conflicts still unsolved and normally ended with warning by the authorities. As a result of this exclusive way of thinking, prejudice and skepticism is intrinsically become deep and deeper.

Therefore, mutual understanding is a crucially demanded to encourage toleration among religious communities. Although, to understand other beliefs could be directly done by studying the sacred texts of the religions, but historical and textual way of learning would be just a half way of the study. The other half is what the believers of the religion believe and practice in their daily lives which could only be accessed through interaction with the religious adherents. Combination of the ideality of the religion and the reality of the practice among it's believers would be the best way to get better understanding and later become more tolerant.

Ninian Smart, the prominent scholar of comparative religion also believes with the effectiveness of this dichotomical methods of studying religion as reflected in his classification of religious dimensions which are labeled para-historical or systemaical, meaning that they transcend the borders of history with a somewhat systematic

ethnocentric formulation. These are dogmatic, mythological and ethical dimensions. Then, three historical dimensions follow: ritual, experiential and the social dimensions. He stressed that para-historical dimensions require investigation into the experience or religious people. While the historical can be studied empirically, the para-historical takes into the realm of belief and concepts and requires dialogue and participation; “since the study of man is in an important sense participatory – for one has to enter into men’s intentions, beliefs, myths, desires, in order to understand why they act as they do – it is fatal if cultures including our own are described merely externally, without entering into dialogue with them.” [1]

Although it has been proven that participation in interfaith dialogue could increase religious toleration, however few have done serious studies to prove it scientifically and none had been done to do research specifically on Malaysian citizen. Therefore this study had been carried out to determine if interfaith dialogue has significant social impact on religious understanding and toleration.

### **PENCAPAIAN PROJEK/OUTPUT**

#### **Jurnal Terindeks**

*International Journal of Bussiness and Social Science* (Jurnal Antarabangsa Berwasit dan Terindeks: Gale,Ulrich, ProQuest, DOAJ, Index Copernicus,

#### **Prosiding Terindeks**

Theological and Phenomenological Methods in Teaching Comparative Religion Courses

Procedia - Social and Behavioral Sciences. (atas talian) <http://www.sciencedirect.com>

#### **Prosiding Tidak Terindeks**

Pascasidang Hamzah Fansuri revisited: rejuvenating Malay Muslim perception of other religions

Proceeding of International Conference on Islamic Civilization and Malay Identity 2011 (ICICMI), Melaka

#### **Kertas kerja**

Islam dan hubungan antara agama (Diskusi Usuluddin dan Falsafah (Siri Pertama)

Hamzah Fansuri Revisited: Rejuvenating Malay Muslim Perception of Other Religions (International Conference on Islamic Civilization and Malay Identity 2011 (ICICMI 2011), Melaka)

Kursus Perbandingan Agama dan Hubungannya dengan Sikap Toleransi Beragama di Kalangan Pelajar Jabatan Usuluddin Dan Falsafah (Kongres Pengajaran & Pembelajaran UKM 2011, Penang)

Social Impact of Interfaith Dialogue on Religious Toleration among Malaysian University Students (3rd International Academic Conference of Young Scientists (Humanities and

Social Sciences 2011), Ukraine)

Interaksi antara Agama: Bingkisan Sirah Rasul (s.a.w) dan Pemimpin Islam Terdahulu  
(Program Interaksi Agama dan Budaya, Pulau Pinang)

**Lain-lain**

(Abstract) A Reflective Response of First Time Participant in Interfaith Dialogue among  
University Students in Malaysia

<http://www.cgpublisher.com/conferences/201/proposals/82>

**MODAL INSAN**

<b>Modal Insan</b>	<b>Tamat</b>	<b>Semasa</b>
Doktor Falsafah		
Sarjana		
Pembantu Penyelidik	NORAINI BINTI ISMAIL	SUHAILA SHARIL
Pasca Doktorat		

**SEMINAR / PERSIDANGAN**

1. International Conference on Islamic Civilization and Malay Identity, Pembentang, 14/11/2011
2. Interfaith Film Festival, Juri, 18/11/2011
3. Diskusi Usuluddin dan Falsafah (Siri Pertama), Pembentang, 23/11/2011
4. Program Interaksi Agama dan Budaya, Perasmi, Pembentang, 9-11 Mac 2012.
5. Interfaith Film Festival, Penasihat, 18/11/2011
6. Diskusi Usuluddin dan Falsafah (Siri Pertama), Urusetia, 23/11/2011
7. Program Interaksi Agama dan Budaya, Penasihat, Pengiring, 9-11 Mac 2012.

**JARINGAN PENYELIDIKAN**

1. Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian antara Agama, Jabatan Perdana Menteri.
2. Jabatan Perpaduan Negara
3. Seminari Teoloji Malaysia (STM)
4. International Institute of Advanced Islamic Studies, IAIS, Petaling Jaya
5. Centre for Promoting Ideas, United States (jurnal)
6. Common Ground Publishing, United States dan Seminar Antarabangsa (2012)

Vancouver, Canada

7. Seminar Antarabangsa (2012) New Delhi, India
8. Kelab Perkim UKM
9. Kelab Perkim USM
10. United Nation's World Interfaith Harmony Week
11. Interfaithtracking
12. Royal Ali Bayt Institute, Jordan
13. MCCBCHS
14. IIS
15. Persatuan Hindu Sangam Malaysia

#### **PERBELANJAAN**

<b>BIL</b>	<b>KOMPONEN KOS PROJEK</b>	<b>PERBELANJAAN SEBENAR (RM)</b>
1.	Gaji dan Upah (V11000)	
2.	Elaun lebih masa (V14000)	
3.	Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup (V21000)	722.30
4.	Pengangkutan barang (V22000)	
5.	Perhubungan dan Utuliti (V23000)	
6.	Sewa (V24000)	
7.	Bahan pakai habis (V26000)	4,353.50
8.	Penyelenggaraan (V28000)	
9.	Perkhidmatan Ikhtisas (V29000)	243.00
10.	Peralatan (V35000)	
<b>Jumlah Keseluruhan (RM)</b>		<b>5,318.80</b>

#### **KESIMPULAN**

Kajian ini sedang dalam proses menjalankan temu bual. Beberapa artikel sedang dalam penulisan untuk penerbitan jurnal dan prosiding seminar. Oleh justifikasi itu kajian ini telah diberikan masa tambahan 6 bulan sehingga 30 September bagi menyempurnakan objektif dan sasaran penyelidikan ini.